

KANDUNGAN JURNAL

KANDUNGAN

HALAMAN

Reka Grafik Lencana Sekolah Menengah Sains Banting.	3
Penerangan Reka Grafik Lencana Sekolah Menengah Sains Banting.	4 - 14
Ringkasan Maksud Reka Grafik Lencana Sekolah Menengah Sains Banting.	15 – 18
Lampiran	
▪ Penggunaan Lencana Pada Imej Korporat Sekolah	19
▪ Rujukan	20

PENERANGAN REKA GRAFIK LENCANA

SEKOLAH MENENGAH SAINS BANTING.

- 1.0 PEREKA GRAFIK** : Wahid bin Ahmad (631019-01-5415)
- 2.0 JENIS GRAFIK** : Lencana Sekolah
- 3.0 SEKOLAH** : Sekolah Menengah Sains Banting (SMSB),
Kuala Langat, Selangor.
- 4.0 TAHUN CADANGAN** : 1432 H / 2011 M
- 5.0 JENIS LENCANA** : Gabungan jenis Representasi dan Simbol
- 6.0 TEKNIK PEMBIKINAN** : Rupa simbol yang diolah menggunakan
Perisian komputer grafik Adobe Illustrator (AI).

7.0 MAKSUD REKA GRAFIK LENCANA

7.1 Maksud Warna Pada Lencana.




7.1.1 Warna Hijau

- Mode warna ; CMYK (AI)
 - C - 82%
 - M- 0 %
 - Y - 84 %
 - K – 0 %
 - # 2FA147
- Warna Ketuhanan dan Keagamaan.
- Warna kesegaran, kesuburan, kedamaian dan ketenangan.




7.1.2 Warna Ungu

- Mode warna ; CMYK (AI)
 - C - 25%
 - M -91%
 - Y - 8%
 - K - 1%
 - # B7177B
- Dicadangkan menjadikan warna korporat untuk SMSB, kerana tiada sekolah di daerah Kuala Langat atau Sekolah Menengah Sains KPM yang memilih warna ungu sebagai warna korporat mereka.
Contoh warna-warna ungu ;



- UiTM menggunakan warna ungu dalam reka grafik lencananya kerana ungu membawa maksud **Keunggulan dan Ketinggian ilmu ,aspirasi yang tinggi dan lain-lain.**
- Fakulti Psikologi & Pergigian Universiti Padjadjaran Indonesia memilih warna ungu sebagai warna korporatnya, kerana menurut kajian terapi warna dalam perubatan, warna ungu dapat **melahirkan suasana tidak menakutkan, tiada merasa kekerasan, tiada kemarahan, tenang, segar dan elegant**
- Warna ungu juga membawa maksud kepercayaan yang dalam dan harga diri yang tinggi.



7.1.3 Warna Kuning


- Mode warna ; CMYK (AI)
 - C - 3%
 - M - 2%
 - Y - 76%
 - K - 0%
 - #F7F73D
- Warna kuning dalam masyarakat Malaysia melambungkan warna raja berdaulat , keemasan, kejayaan dan kekuasaan.
- Juga membawa maksud perundangan dan perlembagaan negara diberi keutamaan.
- Kuning juga membawa maksud keriangn dan kemeriahan.



7.1.4 Warna Perang (Orange)


- Mode warna ; CMYK (AI)
 - C - 5%
 - M- 56%
 - Y - 88%
 - K - 0%
 - #F16F17
- Perang membawa maksud minat pada tugas (kerjaya), pencapaian dalam karier dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas..
- Selain itu perang juga membawa maksud keadilan, daya tahan, kegembiraan, gerak cepat dan sesuatu yang tumbuh.

7.2 Maksud Rupa Berwarna Pada Lencana.



7.2.1 Rupa Bujur

- Berdasarkan bidang seni visual rupa bujur diasaskan dari rupa bulat atau




sama jenis atau satu keluarga dengan rupa bulat membawa maksud seperti di bawah;

- Bulat membawa maksud global – SMSB akan memberi penekanan terhadap Pengurusan Pendidikan bertaraf global .
- Warga SMKB percaya kepada pepatah “ **BULAT** air kerana pemetung, **BULAT** kata kerana muafakat “.
- Dari sudut biologi pula telur yang berupa bentuk bujur mampu menahan tekanan sewaktu dieramkan yang membawa maksud, warga SMSB mampu terus aktif dan berjaya walau dalam apa keadaan, baik dalam keadaan selesa atau dalam keadaan tekanan.
- Dari sudut fizik pula rupa bentuk bujur memiliki rekabentuk yang aerodinamik dan mampu mengurangkan geseran dan rintangan sewaktu bergerak laju, yang membawa maksud warga SMSB mampu menempuh sebarang rintangan dan mengelakkan sebarang pergeseran sewaktu melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam mendidik masyarakat.



7.2.2 Warna Hijau Melingkari Lencana Serta Bulan dan Bintang

- Warna hijau melambangkan warna keagamaan dan ketuhanan. Membawa maksud walau apa pun aktiviti yang dilaksanakan oleh warga SMSB tetap berlandaskan atau menitikberatkan kepada keagamaan dan ketuhanan.
- Warna hijau juga membawa maksud kesegaran, kesuburan, ketenangan dan kedamaian, bermaksud warga SMSB terutamanya pihak pengurusan amat mementingkan suasana yang kondusif agar setiap disiplin ilmu dapat disegarkan, disuburkan dan disebar.
- Warna hijau juga membawa maksud pendidikan alam sekitar, turut diberi penekanan terhadap warga SMSB terutama warga pelajar, sebagai tanda kesyukuran terhadap kurniaan tuhan kepada hambanya.
- Bulan mewakili agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia yang termaktub dalam perlembagaan dan bintang 14 bucu mewakili 14 buah negeri yang bergabung di dalam Malaysia dan warna kuning pada bulan dan bintang bermaksud Raja Berperlembagaan, kesemuanya dilingkari warna hijau bermaksud sentiasa disegarkan, disuburkan di dalam suasana penuh ketenangan, kedamaian dan keamanan untuk melahirkan sebuah masyarakat Malaysia dan masyarakat dunia yang hidup dengan penuh rukun dan bersatupadu.



7.2.3 Simbol Atom Berwarna Hijau.

- Simbol Atom dipilih untuk mewakili semua disiplin ilmu sains dan matematik yang menjadi teras utama kewujudan Sekolah Menengah Sains yang ditaja oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Warna hijau merupakan warna ketuhanan dan keagamaan bagi masyarakat Islam. Simbol atom berwarna hijau bermaksud – bidang sains dan matematik merupakan salah satu bidang Ilmu yang telah lama wujud di muka bumi ini. Walau pun begitu Tokoh Ilmuan Islam merupakan golongan pertama yang telah meneroka, menyusun dan memartabatkan ilmu ini menjadi disiplin ilmu yang berguna dan diguna pakai oleh manusia sehingga kini (merujuk kepada sejarah kegemilangan tamadun Islam).
- Bermaksud Ilmu sains dan matematik merupakan salah satu ilmu Allah yang dianugerahkan untuk hambanya.

6.2.4 Simbol Grafik Gelombang Radio

- Garisan melengkung atau bulat yang diulang-ulang penggunaannya telah sinonim bagi pereka dan panghayat seni grafik untuk menggambarkan penyebaran gelombang radio dari pusat pemancar.
- Penggunaan gelombang komunikasi merupakan antara komponen penting dalam teknologi perhubungan terutama dalam era IT terkini.

Contoh ;



- Oleh itu gambaran grafik gelombang radio tersebut digunakan bagi melambangkan teknologi terkini iaitu Teknologi maklumat dan multimedia yang amat dititikberatkan oleh warga SMSB dan merupakan teknologi terkini yang harus dihayati oleh masyarakat yang maju dan inginkan kemajuan.



- Terdapat empat garisan melengkung pada gambaran grafik gelombang radio tersebut yang membawa maksud empat (4) perkara yang diberi penekanan utama dalam FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN dalam menyebarkan ilmu , kemahiran dan budaya IT dikalangan warga SMSB. Empat perkara utama tersebut ialah INTELEK, ROHANI, EMOSI dan JASMANI.

7.2.5 Simbol Burung Terbang Yang Diringkaskan (Wing)



- Di dalam sejarah perkembangan teknologi komunikasi, burung pernah digunakan oleh manusia sebagai kaedah atau alat untuk perhubungan. Bermaksud setiap disiplin ilmu yang diajar , digunakan atau dikembangkan oleh warga SMSB. Faktor sejarah dan disiplin ilmu tersebut harus diterapkan agar warga SMSB

menpunyai semangat patriotik yang tinggi untuk kepentingan negara bangsa, terutama disiplin ilmu IT.

- Burung juga melambangkan kebebasan dan mampu terbang merentasi sempadan, baik sempadan geografi, ekonomi, budaya, politik mahupun ideologi. Bermaksud kemampuan IT dan kemampuan ilmu amat luas dan mampu merentasi sempadan. Oleh itu teknologi IT dan penyebaran ilmu harus dikembangkan dengan penuh hemah dan bersistemetik agar teknologi dan ilmu tersebut tidak merosakkan masyarakat dan negara seterusnya tamadun dunia yang mengejar kemajuan.

7.2.6 Simbol Gelombang Radio Dan Wing Berwarna Kuning



Gambaran grafik gelombang radio dan wing diwarnakan dengan warna kuning bermaksud pendedahan terhadap teknologi maklumat dan multimedia berlandaskan kedaulatan undang-undang dan perlembagaan negara, agar dapat melahirkan warganegara yang celik IT bermoral dan mengutamakan kepentingan negara dan agama dikalangan warga SMSB.




7.2.7 Garisan Berwarna Perang (orange) Merentasi Bahagian Dalam Lencana dan Tahun

- Perang membawa makna pencapaian dalam karier, minat dengan kerja (tugas), adil, mempunyai daya tahan yang tinggi,

kegembiraan, pantas dan cekap dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

- Membawa maksud semua ciri-ciri positif di atas merentasi segala bentuk aktiviti di SMSB, baik aktiviti warga kerjanya, warga pelajar atau warga kerja swasta dan pihak luar yang turut terlibat dengan aktiviti SMSB.
- Angka tahun 1432 Hijrah dan 2011 Masihi – Tahun pemulaan ilmu di SMSB.



7.2.8 Simbol Rupa Bentuk Buku Yang Terbuka Diringkaskan Berwarna Putih.

- Warna putih buku melambangkan kebersihan dan kesucian ilmu .
- Membawa maksud segala disiplin ilmu yang dianugerahkan oleh Tuhan kepada hambanya adalah bersih dan suci, begitu juga disiplin ilmu yang diajar di SMSB.
- Tiga garisan atau tiga helaian halaman buku membawa maksud, tiga tahap ilmu iaitu tahap rendah, tahap menengah dan tahap tinggi atau tahap mudah kepada tahap sederhana seterusnya kepada yang lebih mencabar (sukar).
- Sekiranya kefahaman tentang tahap ini dapat difahami oleh warga SMSB terutama warga pendidik dan warga pelajar proses Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) akan dapat dijalankan dengan lebih mudah, teratur dan lancar.



7.2.9 Empat Kotak Kecil Pada Tulang Buku

- Empat kotak pada bahagian tulang buku melambangkan;
 - I. empat penjuru alam (1.Utara, 2.Selatan, 3.Barat dan 4.Timur).
 - II. empat ciri manusia (1.berilmu dan beriman, 2. tidak berilmu tapi beriman, 3. berilmu tetapi tidak beriman dan 4.tidak berilmu dan tidak beriman).
 - III. empat teori windows memperbaiki diri (1. Kita tahu apa yang kita tahu, 2. Kita tahu apa yang kita tidak tahu, 3. Kita tidak tahu apa yang kita tahu dan 4. Kita tidak tahu apa yang kita tahu).
- Keterangan di atas membawa maksud ;
 - I. Setiap warga SMSB memahami akan kepentingan ilmu, kepada alam keseluruhan.
 - II. kepada manusia walau apa taraf sekalipun mereka.
 - III. kepada perubahan sikap manusia dari kejahilan kepada cahaya keimanan.



7.2.10 Rupa Tiga segi Yang Diabstrakkan

- Rupa tiga segi yang diletakkan dalam keadaan menghala ke atas \triangle tidak diletakkan dalam keadaan senget \triangleleft atau terbalik ∇
- bermaksud ;
Kefahaman Warga SMSB tentang Hairaki Organisasi Pentadbiran Pendidikan yang sentiasa meletakkan pemimpin di tempat teratas (bukan tertinggi – tertinggi hanya untuk Allah).

HAIRAKI ORGANISASI PENTADBIRAN PENDIDIKAN SMSB

Warga SMSB juga sedar sekiranya Hairaki tersebut diletakkan dalam keadaan senget atau terbalik (tidak meletakkan pemimpin pada tempatnya) kemungkinan besar Sistem Pengurusan Pentadbiran Pendidikan Negara akan pincangan .



8.0 KESIMPULAN GRAFIK LENCANA SMSB

Rekaan reka bentuk grafik lencana SMSB telah dicipta untuk tujuan pendidikan. Disebalik reka bentuk grafik lencana tersebut terkandung pelbagai makna yang diterjemahkan melalui penggunaan simbol-simbol grafik yang difahami oleh setiap warga SMSB dan mereka yang berkaitan dengannya. Setiap simbol membawa maksud dan aspek yang diperlukan oleh sebuah organisasi pendidikan seperti SMSB untuk bergerak maju menuju kejayaan lebih cemerlang dan gemilang yang berlandaskan **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN** dan **FALSAFAH NEGARA**.

RINGKASAN MAKSUD
REKA GRAFIK LENCANA
SEKOLAH MENENGAH SAINS BANTING



1.0 Maksud Warna Pada Lencana.

1.1 Warna Hijau

Warna Ketuhanan,Keagamaan,kesegaran,kesuburan,kedamaian dan ketenangan.

1.2 Warna Ungu

warna ungu membawa maksud **Keunggulan dan Ketinggian ilmu, aspirasi yang tinggi, tidak menakutkan, tiada kekerasan, tiada kemarahan, tenang, segar, elegant, kepercayaan yang dalam dan harga diri yang tinggi.**

1.3 Warna Kuning

Warna kuning melambungkan warna **raja berdaulat , keemasan, kejayaan,kekuasaan,perundangan dan perlembagaan negara diberi keutamaan,keriangan dan kemeriahan.**

1.4 Warna Perang (Orange)

Perang membawa maksud minat pada tugas (kerjaya), pencapaian dalam karier ,bertanggungjawab dalam menjalankan tugas, keadilan, daya tahan, kegembiraan, gerak cepat dan sesuatu yang tumbuh.

2.0 Maksud Rupa Berwarna Pada Lencana.

2.1 Rupa Bujur

Bujur atau bulat membawa maksud SMSB bertaraf global, warga SMKB sepakat dan mampu terus aktif serta berjaya walau dalam apa keadaan.

2.2 Warna Hijau Melingkari Lencana Serta Bulan dan Bintang

- Membawa maksud unsur keagamaan dan ketuhanan, kesegaran, kesuburan, ketenangan, kedamaian dan pendidikan alam sekitar menjadi keutamaan warga SMSB.
- Bulan sabit dan 14 bucu berwarna kuning, didasarkan kepada maksud pada bendera Malaysia yang harus dipertahankan.

2.3 Simbol Atom Berwarna Hijau.

Simbol Atom dipilih untuk mewakili semua disiplin ilmu sains dan matematik, juga merupakan ilmu Allah yang dianugerahkan untuk hambanya.

2.4 Simbol Gelombang Radio.

Melambangkan teknologi terkini iaitu teknologi maklumat dan terdapat empat garisan melengkung pada gambaran grafik tersebut yang membawa maksud empat (4) perkara dalam FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN iaitu INTELEK, ROHANI, EMOSI dan JASMANI.

2.5 Simbol Burung Terbang Yang Diringkaskan (Wing).

Burung pernah digunakan oleh manusia sebagai kaedah perhubungan. Bermaksud faktor sejarah merupakan disiplin ilmu yang harus diterapkan kepada warga SMSB disamping kebebasan berilmu yang terkawal.

2.6 Simbol Gelombang Radio Dan Wing Berwarna Kuning

Simbol grafik gelombang radio dan wing diwarnakan dengan warna kuning bermaksud pendedahan terhadap teknologi

maklumat dan multimedia berlandaskan kedaulatan undang-undang dan perlembagaan negara, agar dapat melahirkan warganegara yang celik IT bermoral dan mengutamakan kepentingan negara dan agama dikalangan warga SMSB.

2.7 Garisan Berwarna Perang (orange) Merentasi Bahagian Dalam Lencana dan Tahun

- Perang membawa maksud pencapaian dalam karier, minat dengan kerja (tugas), adil, daya tahan yang tinggi, kegembiraan, pantas cekap dan semua ciri-ciri positif .
- Angka tahun 1432 Hijrah dan 2011 Masihi – Tahun pemulaan ilmu di SMSB.

2.8 Simbol Rupa Bentuk Buku Diringkaskan Berwarna Putih



- Warna putih buku melambangkan kebersihan dan kesucian ilmu .
- Tiga garisan atau tiga helaian buku membawa maksud, tiga tahap ilmu - tahap mudah, sederhana dan mencabar (sukar).
- Sekiranya kefahaman tentang tahap ini dapat difahami oleh warga SMSB terutama warga pendidik dan warga pelajar, proses P&P akan dapat dijalankan dengan lebih mudah, teratur dan terancang.



2.9 Empat Kotak Kecil Pada Tulang Buku

- Empat kotak pada bahagian tulang buku bermaksud - empat penjuru alam (1.Utara, 2.Selatan, 3.Barat dan 4.Timur).

- Empat ciri manusia (1.berilmu dan beriman, 2. tidak berilmu tapi beriman, 3. berilmu tetapi tidak beriman dan 4.tidak berilmu dan tidak beriman).
- Empat teori windows memperbaiki diri (1. Kita tahu apa yang kita tahu, 2. Kita tahu apa yang kita tidak tahu, 3. Kita tidak tahu apa yang kita tahu dan 4. Kita tidak tahu apa yang kita tahu).

Keterangan di atas membawa maksud ;

- Setiap warga SMSB memahami akan kepentingan ilmu, kepada alam keseluruhan.
- kepada manusia walau apa taraf sekalipun mereka.
- kepada perubahan sikap manusia dari kejahilan kepada cahaya keimanan.



2.10 Rupa Tiga segi Yang Diabstrakkan

- Rupa tiga segi yang diletakkan dalam keadaan menghala ke atas \triangle tidak diletakkan dalam keadaan senget \triangleleft atau terbalik ∇
- bermaksud ;
Kefahaman Warga SMSB tentang Hairaki Organisasi Pentadbiran Pendidikan yang sentiasa meletakkan pemimpin di tempat teratas (bukan tertinggi – tertinggi hanya untuk Allah).

PENGUNAAN LENCANA PADA IMEJ KORPORAT SEKOLAH



BENDERA SEKOLAH



BANTING SEKOLAH

RUJUKAN

<http://bambu-eul-eul.blogspot.com/2010/10/terapi-warna-warisan-kedokteran-islam.html>

<http://www.edupaint.com/warna/pengaruh-warna/2106-terapi-warna-untuk-anak.html>

<http://www.amazine.co/28586/terapi-warna-makna-7-macam-warna-dalam-chromotherapy/>

<http://www.scribd.com/doc/84632819/Teori-Johari-Window>

<https://acehdesain.wordpress.com/2011/05/31/mengenal-jenis-jenis-logo/>

<http://saungdesain.blogspot.com/2011/04/desain-logo.html>

<http://ibnuziad.wordpress.com/2010/05/17/pengurusan-dan-pentadbiran/>

Disediakan oleh

Wahid Bin Ahmad

(631019-01-5415)

6 Disember 2011